

## Pelarian Syria berebut-rebut bantuan yang diagih Qiswah



**NAMPAK CERIA DI SEBALIK KONFLIK:** Qiswah turut mengagihkan beg dan alat tulis bagi kanak-kanak Syria yang menjadi pelarian di Turkey. - Foto-foto QISWAH

31 Jan 2015

SEJUMLAH 5,000 selimut telah diagihkan bagi pelarian Syria di Turkey tetapi mereka yang menunggu mendapatkannya melebihi jumlah tersebut dan masih ramai yang tidur di atas lantai tidak beralas.

Malah, bungkus makanan yang diagihkan badan Qiswah hampir-hampir menyebabkan rempuhan kerana ratusan pelarian berebut-rebut bagi mendapatkan sumbangan dari Singapura itu.

Pengalaman itu dikongsi oleh Pengurus Besar Qiswah, Encik Muhammad Khalid Ibrahim, yang telah ke tiga daerah di selatan Turkey yang dihuni pelarian Syria iaitu di Mardin, Sanliurfa dan Kilis.

Tiga bandar yang jauhnya setiap 200 kilometer daripada tiap daerah itu terletak di sempadan Turkey-Syria.

Pengagihan itu turut disertai adik-beradiknya iaitu Cik Nazrunnisa Ibrahim yang juga Pengarah Pembangunan Perniagaan Qiswah dan Cik Mehrunnisa Ibrahim, Pengarah Kewangan dan Sumber Manusianya.

Mereka mengagihkan 1,500 selimut di Mardin, 2,000 di Sanliurfa dan 1,500 di Kilis.

Selain selimut, Qiswah turut membawa bekalan makanan, susu bayi dan alat tulis bagi kanak-kanak bersekolah.

"Mereka berebut bagi mendapatkan makanan yang sedikit. Mereka bertolak-tolak, berebut-rebut apabila kami mengagihkan makanan dan hampir berlaku rompengan.

"Bayangkan lebih 30,000 pelarian di Mardin sahaja. Mereka seperti tidak terbela. Jika kami bandingkan dengan sumbangan kami yang sedikit ini, ia habis dalam sekelip mata.

"Mereka masih memerlukan bantuan lagi. Apabila diberikan bantuan, mereka mengucapkan 'Alhamdulillah' berkali-kali.

"Walaupun saya tidak tahu berbahasa Arab tetapi jelas di wajah mereka mensyukurinya," ujar Encik Muhammad Khalid yang menggunakan jurubahasa ketika di sana.

Mereka turut mengedarkan selimut dari rumah ke rumah dengan bantuan ketua kampung.

Qiswah juga telah mendapatkan bantuan Kimse Yok Mu, badan kemanusiaan antarabangsa berpangkalan di Turkey, bagi membantu mengedarkan bantuan dari Singapura itu.

"Saya faham kenapa mereka berebut mendapatkan makanan yang sedikit. Ada yang mengutip sampah untuk dijual dan pelbagai kerja di ladang atau di mana sahaja tempat yang boleh mereka bekerja di Turkey," ujar Encik Muhammad Khalid.

Pelarian itu tidak ditempatkan di khemah khas kendalian pemerintah Turkey tetapi merupakan pelarian yang datang sendiri ke Turkey bagi mendapatkan perlindungan daripada rakyat Turkey.

Mereka melarikan diri dari Syria bagi mencari rumah untuk dihuni dengan menyewa rumah dan bekerja dengan keluarga Turkey.

"Orang Turkey akan membantu mereka seperti memberikan tanah untuk dibina rumah atau menyewa bahagian belakang rumah mereka.

"Kedaan mereka amat daif sekali dan mereka mencari apa sahaja kerja bagi sesuap nasi," ujar Encik Muhammad Khalid.

Beliau ke Turkey selama enam hari pada 24 Disember lalu.

Di situ beliau melihat ada yang mengutip sampah untuk dijual dan melakukan pelbagai kerja di ladang.

Qiswah telah menganjurkan program 'Stitching Lives' atau 'Jahitan Kehidupan' pada November lalu dalam usaha membantu rakyat Syria.

Program itu membolehkan Qiswah menyediakan 5,000 selimut pada musim sejuk bagi membantu pelarian Syria yang kini menjadi pelarian di Turkey akibat konflik perang di negara mereka.

Acara itu juga membolehkan Qiswah memberikan bantuan kepada pelarian Syria dan juga kepada rakyat Gaza melalui sumbangan wang dana yang dikumpulkan.

Menurutnya apabila tiba di kawasan pelarian itu, cuaca amat sejuk di bawah 1-2 darjah Celsius.

"Ada keluarga yang kami temui tidak mempunyai selimut dan tidur di lantai yang tidak mempunyai alas langsung

"Lebih memilukan apabila melihat lebih 4,000 pelarian beratur setiap hari bagi mendapatkan semangkuk sup yang disediakan badan kemanusiaan Kimse Yok Mu.

"Makanan ini pula disediakan hanya sekali sehari dan saya tak pasti adakah ini hanya satu-satunya makanan harian mereka," ujar Encik Muhammad Khalid.

Menurutnya, ramai kanak-kanak dilihat di kawasan pelarian kerana anggota keluarga Syria bersaiz besar dengan setiap pasangan mempunyai sehingga lima atau lebih anak.

Ada juga yang tinggal dalam satu rumah sewa yang dihuni tiga keluarga.

"Mereka memasuki Turkey dengan harapan perang yang berlarutan hanya sementara. Tiada sesiapa yang berani memasuki Syria semula.

"Saya juga diberitahu kumpulan radikal dan militan ini memasuki Turkey bagi merekrut penganas yang baru dengan mendekati pelarian di sana," ujar Encik Muhammad Khalid.

# Bantuan psikologi turut perlu dihulur



DR MOHAMED NAWAB MOHAMED OSMAN

31 Jan 2015

BANTUAN kemanusiaan bagi pelarian Syria perlu dinilai semula, antara lain diisi juga dengan keperluan psikologi mereka.

Penilaian itu wajar kerana bantuan psikologi anak perlu dimantapkan setelah mereka menjalani kehidupan trauma yang panjang dan melihat sendiri kesan akibat perang di Syria.

Kehidupan sukar yang mereka lalui sebagai pelarian dan menjalani hidup yang terumbang-ambing memerlukan perhatian pihak antrabangsa.

Pengerusi Critical Xchange yang sebelum ini dikenali sebagai Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX), Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman, berkata:

"Dalam kajian antarabangsa, pelarian biasanya akan menetap di kawasan pelarian antara 10 dengan 12 tahun. Keadaan di kawasan pelarian amat buruk sekali dan mereka mungkin menetap di situ bagi jangka masa yang lama. Jika kita dapat membantu mereka dengan kemantapan psikologi, ia suatu usaha yang wajar kita lakukan."

Menurutnya, dua anggota Critical Xchange, dengan salah seorang daripadanya asal Belanda, mempunyai kepakaran dalam terapi seni.

Kepakaran mereka boleh dimanfaatkan Singapura jika ia ingin menggunakan seni sebagai antara rawatan psikologi akibat perang.

Dr Mohamed Nawab, yang juga Penolong Profesor di Sekolah Pengajian Antarabangsa S Rajaratnam (RSIS) Universiti Teknologi Nanyang, berkata:

"Selain terapi seni bagi psikologi, sekumpulan pelajar univerti tempatan juga boleh menghadiri kem musim panas bagi mengajar bahasa Inggeris untuk pelarian Syria di Turkey."

Dalam suku ketiga tahun ini, Critical Xchange mungkin boleh membawa beberapa pelajar mengajar asas bahasa Inggeris di sana, katanya.

"Guru bahasa Inggeris dirasakan perlu untuk masa depan anak-anak Syria. Asasnya ialah memberikan mereka masa depan dan Pusat Pendidikan Temasek yang didirikan di sana merupakan sumbangan Singapura. Kami telah mempunyai tempat bagi membantu mereka. Kami akan cuba membantu kanak-kanak ini dan jika mampu, Critical Xchange akan membantu mereka setiap tahun," kata Dr Mohamed Nawab.

Pusat Pendidikan Temasek terletak di bandar Kilis di tenggara Turkey dekat sempadan Syria.

Pembinaan sekolah itu merupakan sebahagian daripada Projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit), yang diterajui pusat pendidikan setempat SimplyIslam dan ketika itu MEX - sebuah divisyen Angkatan Karyawan Islam (AMP), dan disokong pelbagai badan Islam di Singapura, termasuk Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF).

"Kita harus mempunyai perancangan khusus dalam membantu masyarakat Syria. Ini termasuk memastikan keperluan apakah yang perlu dibawa ke sana bagi membantu mereka menjalani kehidupan harian," ujar Dr Mohamed Nawab.

Critical Xchange telah mengumpulkan \$30,000 dalam satu majlis iftar yang dianjurkan untuk sumbangan ke Syria.

Dr Mohamed Nawab telah ke Turkey dua kali sebelum ini bersama kumpulan RLAF dan SimplyIslam bagi melihat sendiri masalah pelarian Syria yang lari dari pertempuran dan militan IS.

Menurutnya, militan IS telah banyak menarik golongan muda antarabangsa menyertai kumpulan ganas mereka.

Kini tiba masanya bagi Singapura menarik golongan muda dalam membantu rakyat Syria dan berkongsi kesusahan dalam usaha menolak fahaman radikal militan IS.

Ini, menurutnya, antara cara dalam menepis suara radikal yang masih dibawa kuat oleh militan IS.